

PERUSAHAAN MENANAM TEMBAKAU JENIS VIRGINIA MENINGGIKANKAN
TARAF SOSIO-EKONOMI PETANI BERBANDING DENGAN
PERUSAHAAN MENANGKAP IKAN: SATU KAJIAN
KES PENDUDUK DI MUKIM PERUPOK

OLEH
MOHAMED KAMARUDIN BIN MAHMOOD

ARKIB

rb
fAC895
M22K16

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1982

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
(BAHAGIAN GEOGRAFI)

PERUSAHAAN MENANAM TEMBAKAU JENIS VIRGINIA MENINGGI-
KAN TARAF SOSIO-EKONOMI PETANI BERBANDING DENGAN
PERUSAHAAN MEMANGKAP IKAN: SATU KAJIAN KES
PENDUDUK DI MUKIM PERUPOK.

Oleh

Mohamed Kamarudin Bin Mahmood
(Sidang 1981/82)

Latihan Ilmiah untuk memenuhi keperluan Ijazah
Sarjana Muda (B.A.) di Pusat Pengajian Ilmu
Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Penyelia

Encik Wan Azmi Bin Ariffin

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Februari 1982

.....kepada ibuku yang telah hilang
penglihatannya dua tahun yang lalu.....

PENGHARGAAN

Dalam menulis dan menyiapkan laporan Latihan Ilmiah ini, setinggi penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada Encik Wan Azmi Ariffin yang telah sudi menjadi penyelia saya. Beliau telah banyak mengorbankan masa dan tenaga untuk berbincang, menyemak, membantu dan memberi tunjuk ajar yang berguna.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada ahli rumsah tangga yang saya lawati, Tok Penggawa, Tok Penghulu dan masyarakat Mukim Perupok keseluruhannya yang telah banyak membantu saya dalam membuat kerja kajian. Juga kepada kakitangan di Pejabat Tembakau Negara (Kota Bharu & Bachok), Pejabat Jajahan Bachok, Pejabat Perikanan Bachok, stesyen awetan Syarikat Setia Raya Tok Burong dan Syarikat Tembakau Virginia Kubang Golok kerana kerjasama mereka.

Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada Cik Endon Zainal Abidin yang sudi menaipkan laporan ini. Akhir sekali ucapan berbilang terima kasih dikhaskan kepada isteri saya yang telah banyak meluangkan masanya dalam memproses data.

Semoga Allah S.W.T. akan membalas jasa-jasa mereka dengan ganjaran yang berlipat ganda. Amin. Sekian wassalam.

Mohamed Kamarudin Mahmood
(No. Metrik: 5281)

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
(Bahagian Geografi)
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.
Februari 1982.

PRAKATA

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Penyayang, saya bersyukur kehadratNya kerana dengan limpah kurniaNya laporan ini dapat disiapkan.

Latihan Ilmiah ini (HGX 412) dijalankan bagi memenuhi kursus perlu dalam bidang Geografi di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Kursus bernilai 8 (lapan) unit kredit ini ditawarkan kepada semua penuntut Kemanusiaan peringkat 400 (pilihan kepada penuntut Kemanusiaan Luar Kampus dan Kemanusiaan Dengan Pendidikan) yang membuat pengkhususan dalam bidang tersebut. Secara terperinci bidang-bidang kajian terbahagi kepada tiga:

- i) bidang Geografi Fizikal,
- ii) bidang Geografi Manusia dan
- iii) bidang yang merangkumi Geografi Fizikal dan Geografi Manusia (teoretis dan falsafah).

Kajian ini bersabit dengan Geografi Manusia, dimana penekanan tertumpu kepada sosio-ekonomi petani di Mukim Perupok. Ianya memperlihatkan peningkatan taraf sosio-ekonomi nelayan kawasan tersebut setelah mereka melibatkan diri ke dalam perusahaan menanam tembakau jenis Virginia.

Adalah diharapkan kepada pengkaji-pengkaji muda yang berminat dalam lapangan ini untuk memperdalamkan lagi bidang kajian tersebut. Antara bidang-

bidang bersangkutan yang dapat mereka kaji ialah seperti berikut:-

- i) Kedudukan perusahaan menangkap ikan/ menaran tembakau dimasa akan datang.
- ii) Perkembangan perusahaan tembakau jenis Virginia di Mukim Perupok masakini.
- iii) Organisasi yang terdapat dalam perusahaan tembakau jenis Virginia di Mukim Perupok.

Dengan adanya kajian yang mendalam dan meluas dalam bidang-bidang berkenaan, ianya akan mematangkan lagi disiplin Geografi Manusia di Malaysia. Disamping itu ianya juga akan memberi gambaran yang lebih jelas lagi berkenaan dengan sosio-ekonomi petani desa, khususnya petani di Mukim Perupok.

ABSTREK

Kebanyakan masyarakat Mukim Perupok terdiri dari kaum nelayan. Mereka mengusahakan penangkapan di sepanjang pantai kawasan tersebut. Teknik dan alatan yang digunakan sama dengan apa yang telah digunakan sejak turun temurun lagi. Dalam erti kata lain ianya bersifat tradisional. Keadaan demikian tidak menjanjikan tangkapan yang menguntungkan. Disamping sebab-sebab lain seperti kepupusan baka ikan di sepanjang perairan dua belas batu (19.2 kilometer) daripada pantai, pencerobohan oleh nelayan asing dan lain-lain, menyebabkan penghidupan kaum nelayan berkenaan semakin terhimpit.

Selain dari bekerja sebagai nelayan, masyarakat itu juga membuat kerja-kerja lain sebagai tambahan. Kerja-kerja itu seperti bertukang, mengubat (bomoh) dan bertani. Bertani kepada mereka hanya sekedar memenuhi permintaan keluarga sahaja, (untuk saradiri). Semasa menantikan pukut atau perahu mereka diperbaiki atau menantikan musim baik untuk turun semula ke laut, mereka kerjakan tanah-tanah yang berhampiran dengan rumah mereka. Jenis tanaman yang diusahakan ialah berbagai jenis sayuran dan padi. Namun dalam banyak hal, hasilnya tidak mencukupi keperluan keluarga. Terdapat juga nelayan yang tidak bertanah. Keadaan golongan ini menjadi lebih dhaif jika musim tengkujuh berpanjangan.

Namun begitu pada awal tahun 1960, satu perusahaan berbentuk tanaman tunai telah diperkenal-

kan kepada masyarakat berkenaan khasnya, dan masyarakat di sepanjang pantai di Pantai Timur Semenanjung amnya. Oleh kerana terdapat beberapa kemudahan yang disediakan dalam perusahaan ini, seperti kemudahan input pertanian, kredit, khidmat nasihat, penyelidikan, kawalan & pengawasan, dan pasaran daun hijau, pendapatan petani kian bertambah.

Hasil dari kajian yang telah dijalankan adalah didapati bahawa taraf sosio-ekonomi nelayan tadi telah meningkat setelah mereka menceburkan diri ke dalam perusahaan menanam tembakau. Sekiranya sebelum tahun 1960 keadaan kesihatan, permakanan, pelajaran anak-anak nelayan dan segala bentuk keperluan asas lain berada dalam keadaan yang menyedihkan, tetapi diakhir-akhir ini ianya telah bertambah baik. Perbelanjaan harian dan simpanan dapat diperbesarkan. Segala perubahan ke arah positif ini tidak lain adalah semata-mata kerana penyertaan kaum nelayan berkenaan ke dalam perusahaan menanam tembakau jenis Virginia.

ABSTRACT

Most of the Mukim Perupok community are fishermen who do thier fishing along the coast of that area. They have been using the same technique and tools as thier ancestors used before. In other words, the tools and technique used are out-of-date and not guarantee for a big and profitable catch. Thus, besides other factors such as the decreasing of fish in a range of twelve miles (19.2 kilometres) along the coast, outrage by the foreign fishermen, make thier life worse.

Beside fishing, they also perform many other jobs for example as a carpenter, as a 'bomoh' and farming. Farming to them is just for the family consumption. They do thier farming while waiting for thier perahu or net on repair or during the monsoon season whereby the sea is too rough for fishing. Crops planted by them varies from all sort of vegetables to padi. But the product is far mere below the family consumption. There are also landless fishermen. Thier life is worst should the monsoon last long.

Anyhow, early in 1960, a form of cash crop had been introduced to the area and to some other areas along the East-Coast of Peninsular Malaysia as a whole. Virginia tobacco planting has became an ideal substitute to the fishermen. Supporting by many encouraging factors provided by the curer, such as farming input, credit, advisory

service, research, controlling of pest and marketing of green leaves, their income increases.

From the survey which had been carried out, it denoted that the peasants' sosio-economy had been improved. Although before 1960 their health, food, education for their children and other sort of basic needs are not in a good condition, but nowadays everything has changed. Besides accumulating their saving, they can also spend more on their daily expenditure. All these positive change are due to their involvement in the tobacco planting scheme.

-oooooOooooo-